

20 MAY 2000
HIV-Suleiman

KEMENTERIAN KESIHATAN MINTA ORANG RAMAI JANGAN PANIK

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Kementerian Kesihatan hari ini meminta orang ramai terutamanya penderma dan penerima darah supaya tidak panik berikutan dua kes jangkitan virus HIV yang berpunca daripada pemindahan darah.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Suleiman Mohamed berkata, apa yang berlaku adalah "isolated cases" dan kerajaan tidak pernah menutup kes-kes ini kerana ia melibatkan nyawa dan kepentingan orang ramai.

"Kes-kes ini tidak disengajakan, kita sememangnya mempunyai sistem ujian darah yang cukup ketat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung dwi-tahunan Majlis AIDS Malaysia di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kes seorang suri rumah menerima darah dicemari HIV semasa pemindahan darah di Hospital Jitra bulan lepas dan dakwaan seorang peneroka Felde di Raub yang insiden lebih kurang sama berlaku pada isterinya yang meninggal dunia tahun lepas.

Suleiman berkata, Kementerian bimbang liputan media yang disifatkannya luar biasa itu boleh menimbulkan stigma di kalangan masyarakat yang mungkin merasa takut untuk menderma atau menerima darah di masa depan.

Kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kes-kes yang melibatkan kecuaihan pihak hospital dan akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap kakitangan yang terlibat.

Beliau berkata satu seminar melibatkan pegawai-pegawai unit bank darah, pegawai-pegawai sains dan timbalan pengarah kesihatan negeri akan diadakan tidak lama lagi bagi mengkaji sistem yang sedia ada dan memperbaiki kelemahan yang wujud.

Presiden Majlis AIDS Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir berkata, pihaknya sedang menjalankan kajian bagi melihat sejauh mana berlakunya diskriminasi terhadap mereka yang dijangkiti HIV.

"Ini berhubung sikap kakitangan perubatan. Ada sedikit layanan berbeza, seperti mereka pelahan sedikit, kurang mesra...kami berharap dapat menyediakan laporan dan memberikan syor-syor kepada Kementerian untuk menangani perkara itu," katanya.

-- BERNAMA

AR PR